

ANALISIS SEMANGAT NASIONALISME DALAM FILEM MAT KILAU: KEBANGKITAN PAHLAWAN (2022) DARI DIMENSI MAQĀSĪD AL-SHARĪ'AH

SPIRIT OF NATIONALISM IN MAT KILAU: KEBANGKITAN PAHLAWAN'S MOVIE (2022): ANALYSIS FROM THE DIMENSION OF MAQĀSĪD AL-SHARĪ'AH

Muhammad Zaki Ramle¹
Muhammad Adam Danial²
Muhammad Safwan Harun³

¹Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur Malaysia,
(E-mail: muhdzakiramle@gmail.com)

²Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur Malaysia,
(Email: adamdanial024@gmail.com)

³Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur Malaysia,
(E-mail: safone_15@um.edu.my)

Article history

Received date : 15-3-2023

Revised date : 20-3-2023

Accepted date : 1-7-2023

Published date : 20-7-2023

To cite this document:

Ramle, M. Z., Danial, M. A., & Harun, M. S. (2023). Analisis Semangat Nasionalisme dalam Filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022) dari Dimensi Maqāṣid Al-Sharī'ah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (54), 223 - 233.

Abstract: Perjuangan mempertahankan tanah air merupakan suatu usaha yang dituntut dalam agama Islam. Seruan ini ditunjangi dengan semangat nasionalisme bagi memupuk kecintaan masyarakat terhadap negara dan bangsa serta membebaskan tanah air dari cengkaman penjajah dan ideologi asing. Dalam usaha meniupkan roh nasionalisme, industri perfileman merupakan platform yang signifikan untuk menyampaikan nilai-nilai moral dan memberi penghayatan kepada penonton. Namun filem berunsurkan semangat nasionalisme dan kenegaraan masih kurang dipersembahkan pada abad ini. Fenomena filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan telah menjadi penanda aras terhadap sokongan filem tempatan hingga mendapat sambutan yang tinggi. Dalam erti kata lain, filem ini berjaya memaparkan elemen semangat nasionalisme serta menghubungkaitkannya dengan perspektif Islam. Meskipun begitu, penghayatan terhadap semangat tersebut masih tidak tertonjol dalam khalayak penonton. Sedangkan nasionalisme dalam perjuangan Mat Kilau mempunyai relevansi yang jelas dengan agama dan nilai-nilainya. Justeru artikel ini bertujuan menganalisis semangat nasionalisme dalam filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan dari dimensi nilai-nilai sharī'ah atau diistilahkan dengan maqāṣid al-sharī'ah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui analisis isi kandungan filem tersebut. Hasil kajian mendapati elemen semangat nasionalisme termasuk di bawah kategori maqāṣid 'ammah yang meliputi nilai keamanan, nilai keadilan dan nilai kejujuran. Nilai-nilai ini memainkan peranan penting bagi memastikan aspek *ḍarūriyyāt al-khams* terjamin sekaligus menyemaikan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat. Sehubungan itu, usaha memartabatkan filem epik berunsurkan

nilai nasionalisme perlu digiatkan dalam pelbagai bentuk genre agar ianya dapat menghasilkan karya yang bermutu tinggi untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Keywords: *Nasionalisme, Maqāṣid al-Sharī'ah, Mat Kilau, Filem*

Abstract: *The struggle to defend the homeland is an endeavor that is demanded in Islam. This call is supported by the spirit of nationalism to cultivate the love of the community towards the country and nation, as well as to liberate the homeland from the grip of colonialism and foreign ideologies. In the endeavor to instill the spirit of nationalism, the film industry serves as a significant platform for conveying moral values and instilling appreciation to the audience. However, films with elements of the spirit of nationalism and patriotism are still relatively scarce in this century. The phenomenon of the film *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* (The Rise of a Warrior) has become a benchmark for the support of local films, garnering significant acclaim. In other words, this film successfully portrays elements of the spirit of nationalism and relates it with the Islamic perspective. However, the appreciation of this spirit is yet to be fully embraced by the audience. Even nationalism in *Mat Kilau's* struggle holds clear relevance with religion and its values. Hence, this article aims to analyze the spirit of nationalism in the film *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* from the dimension of shari'ah values or is termed *maqāṣid al-sharī'ah*. This study employs a qualitative study design through content analysis of the film. The study findings indicate that elements of the spirit of nationalism fall under the category of *maqāṣid 'ammah*, which includes the values of peace, freedom, and justice. These values play a crucial role in ensuring that aspects of *darūriyyāt al-khams* are guaranteed while instilling the spirit of unity among the community. In this regard, endeavors to uphold epic films with nationalistic values need to be intensified in various genres to produce high-quality works for the domestic and international markets.*


Keywords: *Nationalism, Maqāṣid Al-Sharī'ah, Mat Kilau, Movie*

Pengenalan

Fenomena filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* telah menjadi bukti bahawa masyarakat hari ini khususnya generasi muda amat memerlukan medium ini untuk menyuntik semangat nasionalisme dalam jati diri mereka dan menghargai sejarah kegemilangan tokoh pahlawan negara. Ini kerana industri perfileman dilihat sebagai medium yang ampuh dan berpotensi meniupkan roh nasionalisme kepada masyarakat tempatan. Dalam hal ini, filem *Mat Kilau* arahan pengarah terbaik Festival Filem Asia Pasifik (FFAP) ke-57 Syamsul Yusof yang berdurasi selama 1 jam 58 minit merupakan filem bergenre sejarah. Ianya dihasilkan dengan inspirasi daripada kisah perjuangan *Mat Kilau* bertujuan menonjolkan ketokohan tokoh ini sebagaimana tercatat dalam sejarah Melayu. Filem ini telah diterbitkan pada tahun 2022 dan mula ditayangkan pada 23 Jun 2022. Secara ringkas, filem ini berlatar akhir abad ke-19 mengisahkan seorang pahlawan Melayu iaitu *Mat Kilau* bersama ayahandanya Tok Gajah dan para sahabat yang berjuang bermati-matian menentang pihak kolonial British sebagai reaksi balas tekanan pihak British yang mengenakan sistem cukai, mengaut kekayaan hasil bumi serta mencampuri urusan adat dan agama orang-orang Melayu di Pahang.

Sungguhpun filem ini telah mencetuskan satu fenomena baharu, namun genre filem sebegini masih perlu digiatkan. Ini dapat difahami melalui kenyataan Presiden Persatuan Seniman Malaysia, Zed Zaidi yang mengakui bahawa negara ini masih ketandusan filem kenegaraan seperti *Mat Kilau* (KKMM, 2022). Lazimnya filem bergenre ringan yang sarat dengan naratif

cinta, muzikal, komedi, seram, aksi dan lawak lebih mudah dihasilkan. Malah, genre sebegini amat digemari penonton dalam kalangan peminat filem tanah air (Adnan Jusoh, 2022). Sebaliknya filem yang berunsur epik sejarah memerlukan fakta yang tepat dengan kajian yang mendalam agar tidak menimbulkan sebarang kontroversi sehingga boleh menyinggung mana-mana pihak. Hal ini menyebabkan tidak ramai penerbit sanggup menghasilkan filem tema berunsur sejarah. Tambahan pula, filem bersejarah dilihat kurang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penonton oleh kerana mempunyai isi penceritaan yang berat, menelan kos perbelanjaan yang besar dan tidak mendapat pulangan yang setimpal (Mohd Daly et al., 2017). Oleh kerana itu sehingga tahun 2023, hanya 9 filem sahaja diterbitkan oleh karyawan tempatan yang mengangkat tema perjuangan tokoh tanah air menentang penjajah. Filem-filem yang dimaksudkan adalah seperti:



Rajah 1: Senarai filem nasionalisme yang memaparkan perjuangan menentang penjajah

Walau bagaimanapun, filem berjudul *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* terbitan Studio Kembara dilihat berjaya menongkah arus industri filem dan membuka mata pelbagai pihak terhadap kepentingan filem bertemakan sejarah. Pendek kata, filem ini turut memberi nafas baharu dalam industri perfileman negara. Buktinya setelah 33 hari ditayangkan, filem tersebut berjaya meraih kutipan hampir 100 juta dan menumpaskan filem-filem yang lain dalam kategori ‘*All Time International Malaysia Box Office*’ (Zaidi Mohamad, 2022). Hasil pencapaian diperoleh, filem ini telah dinobatkan sebagai anugerah *Filem Box Office* dalam Festival Filem Malaysia ke-32 (FFM-32) anjuran FINAS (KKMM, 2022).

Dari sudut perspektif lain, tidak dinafikan bahawa filem *Mat Kilau* mempunyai kekurangan. Ini dapat dilihat melalui kritikan sebahagian pihak terhadap isi kandungan yang dianggap tidak berasaskan fakta sejarah yang tepat, penggunaan laras bahasa yang moden dan beberapa hal yang lain. Namun filem ini tetap mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan masyarakat tempatan sehingga mewujudkan fenomena “demam *Mat Kilau*”. Segelintir penonton yang hadir ke pawagam membawa semangat ‘kebangkitan pahlawan’ dengan mengetengahkan konsep pemakaian busana melayu beserta sampin dan tanjak. Hal ini menjadi tarikan apabila filem tersebut memasukkan unsur fiksyen yang lebih dramatik, menawarkan adegan aksi-aksi mendebarkan, persilatan melayu yang gah, dibarisi pelakon-pelakon yang hebat, frasa dialog yang cukup indah serta sarat dengan penyampaian mesej nasionalisme dan patriotisme. Meskipun begitu, sentimen dan semangat penonton terhadap nasionalisme tanpa menghayati nilai-nilai Islam tidak memadai. Ini kerana, semangat nasionalisme dalam perjuangan tokoh melawan penjajah mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai-nilai Islam. Sehubungan

dengan itu, artikel ini bertujuan menganalisis semangat nasionalisme dalam filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan dari dimensi nilai-nilai shari'ah atau diistilahkan sebagai *maqāsid al-sharī'ah*.

Nasionalisme Dari Perspektif Shari'ah

Definisi Nasionalisme

Nasionalisme diistilahkan sebagai gerakan yang melahirkan semangat cinta terhadap negara dan semangat kekitaan melalui pengalaman sejarah yang bertujuan membebaskan bangsa dan negara daripada dijajah (DBP,2019). Perkataan nasionalisme berasal daripada gabungan dua perkataan bahasa Inggeris iaitu *nation* yang membawa maksud bangsa manakala *ism* merujuk kepada suatu fahaman. Lebih terperinci, nasionalisme membawa dua bentuk definisi. Pertama, nasionalisme merupakan perasaan cinta terhadap negara dan bangsa secara mendalam dari lubuk hati manusia. Kedua, nasionalisme sebagai sebuah pergerakan bagi pembebasan ekonomi dan politik dari penguasaan kuasa asing (DBP, 2010). Oleh itu, nasionalisme boleh ditakrifkan sebagai ideologi yang menjelaskan tentang sikap dan pendekatan berkaitan perjuangan menentang penjajah serta pembelaan terhadap bangsa dan negara.

Menjelaskan konsep nasionalisme, beberapa tokoh sejarawan telah memberi tafsiran dari perspektif mereka antaranya Dr Burhanuddin al-Helmi yang menjelaskan bahawa perjuangan menentang penjajah hendaklah mempunyai persatuan dan perpaduan yang kuat iaitu *National Fronts*. Segala tenaga yang menentang penjajahan hendaklah digunakan untuk mencapai kemerdekaan dengan berpegang pada tatatertib, adab sopan bangsa melayu dan agama Islam untuk menebus, merebut serta merampas kembali hak mutlak bangsa yang telah ditenggelamkan (Ismail Said, 2008). Dari segi kebangkitan semangat ini, ianya timbul akibat beberapa faktor. Menurut Ku Hasnan (2013), kemunculan semangat nasionalisme di Tanah Melayu berpunca daripada tekanan dan pengaruh Inggeris sehingga melahirkan tokoh-tokoh melayu yang lantang memberikan kesedaran tentang kepentingan hak mereka dan menuntut bela atas hak yang dirampas serta menebus maruah negara yang telah sekian lama tergadai. Di samping itu, nasionalisme juga timbul akibat kebimbangan masyarakat terhadap kesan ekonomi, pengaruh sekularisme dan imperialisme Barat yang sedang melanda Tanah Melayu pada waktu ketika itu (William R. Roff, 1967).

Perbezaan Nasionalisme Islam dan Barat

Dalam kajian Bahri & Musa (2021) menyebutkan terdapat perbezaan antara nasionalisme Islam dengan pemahaman nasionalisme Barat. Nasionalisme Barat lebih tertumpu kepada fahaman semangat kebangsaan, semangat yang disebabkan keturunan darah daging atau rumpun yang sama. Fahaman ini menekankan ketaatan kepada entiti kelompok semata-mata sehingga melahirkan satu perasaan menyanjung tinggi dan membela bangsa sama ada dalam perkara baik ataupun buruk, benar mahupun salah (Nor Sazali Abdullah, 2005). Justeru, fahaman ini dilihat bertentangan dengan hadis Nabi berkaitan larangan *'aṣabiyyah* yang membela dan berpihak pada kaum atau bangsanya sendiri atas sesuatu kezaliman yang dilakukan. Dalam hadis riwayat Ibn Mājah menyebutkan:

فَسَيَلُهُ قَالَتْ: سَمِعْتُ أَبِي يَقُولُ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ،
أَمِنَ الْعَصَبِيَّةُ أَنْ يُحِبَّ الرَّجُلُ قَوْمَهُ؟ قَالَ: لَا، وَلَكِنْ مِنَ الْعَصَبِيَّةِ أَنْ يُعِينَ الرَّجُلُ قَوْمَهُ عَلَى
الظُّلْمِ

Maksudnya:

Fusaylah berkata: Aku mendengar ayahku berkata ” Aku bertanya Rasulullah SAW, Wahai Rasulullah apakah seorang yang mencintai kaumnya (bangsanya) itu termasuk fanatik (asabiyyah)?” Nabi s.a.w menjawab: “Tidak, fanatisme (asabiyyah) itu bilamana seorang membantu dan memihak kepada kaumnya atas sesuatu kezaliman.” (Hadis Riwayat Ibn Mājah).

Melalui hadis ini, secara asasnya Rasūlullah S.A.W tidak melarang semangat kekitaan (*‘asabiyyah*) sekiranya tidak menimbulkan sebarang kezaliman. Namun, pegangan nasionalisme barat yang bersikap fanatik dan membela kezaliman dilihat berlawanan dengan prinsip ajaran Islam itu sendiri. Selain itu, nasionalisme Barat turut memisahkan peranan agama dan politik, ia membezakan manusia dari aspek bangsa dan tanah air, bukan atas faktor agama atau keimanan seseorang. Maka dapat difahami nasionalisme barat mempunyai hubungan yang kuat dengan ciri sekularisme yang hanya mementingkan kebebasan mutlak dalam aspek keduniaan dan menganggap institusi agama hanya khusus untuk urusan ketuhanan semata-mata (Ibrahim, 2019).

Sebaliknya, kesedaran nasionalisme dalam kalangan masyarakat Melayu lazimnya mempunyai hubungan yang rapat dengan kepentingan agama Islam itu sendiri. Ini kerana, kesedaran atau kebangkitan semangat kebangsaan orang-orang Melayu tidak dapat dipisahkan daripada agama Islam yang merupakan asas adat resam kehidupan mereka. Secara umumnya, fahaman nasionalisme melayu merujuk kepada suatu gerakan yang bersifat tempatan menuju kepada pembentukan negara dan bangsa. Ia merupakan kesedaran sekumpulan manusia yang mempunyai persamaan mahupun perbezaan dari segi ras, agama, bangsa dan kebudayaan bagi melahirkan perasaan cinta dan perasaan yang mendalam terhadap tanah air sehingga sanggup berkorban nyawa dalam mempertahankan negara (Nor Sazali Abdullah, 2005). Hal ini menggambarkan ciri nasionalisme Islam lebih bersifat universal tanpa mewujudkan jurang perbezaan keturunan, warna kulit, negara ataupun wilayah. Sifat cintakan tanah air juga merupakan naluri dan fitrah yang dianugerahkan kepada manusia, bahkan Nabi Muhammad S.A.W amat mencintai tempat lahir Baginda iaitu di Makkah berdasarkan kepada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbās:

مَا أَطْيَبَكَ مِنْ بَلَدٍ، وَأَحَبَّكَ إِلَيَّ، وَلَوْلَا أَنْ قَوْمِي أَخْرَجُونِي مِنْكَ مَا سَكَنْتُ غَيْرَكَ

Maksudnya:

“Alangkah baiknya dirimu wahai Makkah dan betapa cintanya diriku kepadamu, seandainya kaumku tidak mengeluarkanku darimu, nescaya aku tidak akan tinggal selain daripadamu.” (Hadis Riwayat Tirmidhī).

Teori *Maqāṣid Al-Sharīah*

Maqāṣid merupakan jama’ kepada perkataan maqṣad, dan maqṣad pula berasal daripada qaṣada atau al-qaṣdu (القصد) yang bermaksud tujuan, arah dan jalan lurus (Ibrāhīm Mustafā et al., t.t). Menurut ulama’ dalam bidang bahasa, al-qaṣdu membawa pengertian yang lain seperti kebergantungan (الاعتماد), datang kepada sesuatu (إتيان الشيء), menghala ke suatu arah (التوجه) dan adil (Al-Yūbī, 1998). Manakala dari sudut pensyariatian pula, maqāṣid adalah makna dan tujuan yang dimaksudkan oleh al-Shārī’ iaitu Allah S.W.T (Al-Raysūnī, 2008).

Sharī’ah pula berasal daripada perkataan shara’a (شرع). Al-Furra’ berpandangan makna sharī’ah ini sebagai agama berdasarkan kepada ayat Al-Qur’an dalam surah Al-Jāthiyyah ayat ke 18: {

{ ... ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ } (Ibn Manzūr, t.t). Daripada sudut istilah, sharī'ah adalah satu aturan yang telah disyariatkan oleh Allah kepada semua hamba-Nya dari segi akidah dan tindakan (Ibn Taymiyyah, 1995). Ibn Qayyim (1991) mendatangkan makna sharī'ah dengan skop yang lebih meluas, iaitu sharī'ah dibina dan diasaskan atas hikmah-hikmah serta masalah kebaikan manusia di dunia dan akhirat. Makna sharī'ah daripada Ibn Qayyim ini serupa dengan pengertian sharī'ah di sisi Izz Al-Dīn 'Abd Salām, di mana beliau menjelaskan sharī'ah itu kesemuanya berkisarkan masalah melalui menolak keburukan atau mendatangkan kebaikan (Izz Al-Dīn 'Abd Salām, 1991).


Walau bagaimanapun, pemahaman terhadap istilah sharī'ah adalah berbeza. Yusuf al-Qardāwī (2008) menyatakan bahawa pengertian sharī'ah pada masa sekarang difahami sebagai agama keseluruhannya, di mana ia merangkumi aqidah, perbuatan, fiqh dan segala aspek yang berkaitan. Selain itu, sharī'ah juga difahami dari sudut praktikal dalam agama seperti ibadah, hal-hal kemasyarakatan, urusan pemimpin serta negara. Dalam hal ini, beliau cenderung memilih pengertian sharī'ah sebagai agama dan mengambil kira bahawa ulama' usul meletakkan agama terhadap kepentingan lima asasi yang utama (الكليات الخمس) dalam maqāsid al-sharī'ah.

Akhirnya penggabungan dua perkataan maqāsid dan sharī'ah membawa kepada pembentukan *maqāsid al-sharī'ah*. Para ulama' klasik dan kontemporari telah membuat pendefinisian terhadap *maqāsid al-sharī'ah*. Muhammad Sa'ad al-Yūbī (1998) mentakrifkan *maqāsid al-sharī'ah* kepada makna-makna dan hikmah-hikmah yang diraikan oleh al-Shāri', iaitu Allah S.W.T, dalam pensyariatian secara umum dan khusus demi mencapai kemaslahatan hamba-hamba-Nya. Seterusnya Ahmad al-Raysūnī (1995) mendefinisikan *maqāsid al-sharī'ah* sebagai matlamat-matlamat yang ditentukan oleh shara' dalam merealisasikan masalah manusia.

Manakala al-Shaṭībī (1997) dan al-Ghazālī (1993) tidak memberikan pengertian yang khusus terhadap istilah *maqāsid al-sharī'ah*. Namun al-Shaṭībī menyatakan tujuan sharī'ah dibentuk adalah untuk memelihara manusia berdasarkan *ḍarūriyyāt* (keutamaan), *ḥājjiyyāt* (keperluan) dan *taḥsīniyyāt* (pelengkap). Terkandung di bawah *ḍarūriyyāt* ini adalah pemeliharaan objektif sharī'ah terhadap manusia merangkumi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang dikenali sebagai *al-ḍarūriyyāt al-khams* (pemeliharaan 5 asasi yang menjadi keutamaan). Imam al-Ghazālī pula menganggap sebarang bentuk penjagaan terhadap 5 asasi ini sebagai masalah (Al-Ghazālī, 1993). Melihat kepada takrifan-takrifan yang dibuat, dapat disimpulkan bahawa *maqāsid al-sharī'ah* adalah pensyariatian hukum oleh al-Shāri' terhadap manusia untuk mencapai kemaslahatan dalam kehidupan mereka melalui tiga komponen iaitu *ḍarūriyyāt*, *ḥājjiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*.

Perbincangan *maqāsid al-sharī'ah* juga boleh diperhatikan melalui pembahagiannya yang pelbagai kepada *maqāsid al-sharī'ah al-'ammah*, *maqāsid al-sharī'ah al-khaṣṣah* dan juga *maqāsid al-sharī'ah al-juz'iyah* (Al-Yūbī, 1998). *Maqāsid al-sharī'ah al-'ammah* bermaksud matlamat dan hikmah yang diambil kira oleh al-Shāri' dalam keseluruhan atau kebanyakan aspek pensyariatannya tanpa sebarang pengkhususan kepada hukum hakam tertentu (Ibn 'Ashūr, 2001). Ibn 'Ashūr berpandangan nilai-nilai murni seperti kebebasan dan kesamarataan termasuk antara objektif pensyariatian secara umum. Di samping itu, al-Yūbī (1998) juga menambah bahawa mendatangkan kebaikan serta menolak kerosakan turut dikategorikan sebagai *maqāsid 'ammah*. Pada hemat beliau, antara *maqāsid 'ammah* yang perlu sentiasa dipelihara adalah lima asasi utama yang didahului oleh pemeliharaan terhadap agama (Al-Yūbī, 1998).

Manakala *maqāṣid al-sharī'ah al-khaṣṣah* adalah hikmah pensyariatan yang tertumpu kepada bab-bab atau bidang tertentu. Contohnya *maqāṣid* berkaitan bab ibadat, mu'amalat dan jenayah (Al-Yūbī, 1998 & Ibn 'Ashūr, 2001). 'Aṭiyyah Jamaluddīn telah menyenaraikan beberapa karya ulama' yang berfokus tentang *maqāṣid khaṣṣah* seperti kitab *Ihya' 'Ulūm Al-Dīn* karya Imam al-Ghazālī dalam bab ibadat dan mu'amalat ('Aṭiyyah Jamaluddīn, 2001). Seterusnya, *maqāṣid al-sharī'ah al-juz'iyah* merujuk kepada masalah tertentu atau dalil khusus yang berkait dengan masalah tersebut, misalnya masalah berkaitan wudhu' atau solat (Al-Yūbī, 1998). Secara ringkasnya, perbincangan *maqāṣid al-sharī'ah* daripada sudut al-shumūl ini boleh dilihat pada rajah 2 yang tertera di bawah:



Rajah 2: Pembahagian *maqāṣid al-sharī'ah*

Sumber: Al-Yūbī (1998), Ibn 'Ashūr (2001) & 'Aṭiyyah Jamaluddīn (2001)

Hasil Kajian

Analisis Nasionalisme Dari Perspektif Maqāṣid Al-Sharī'ah Dalam Filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan

Secara umumnya, dapat diperhatikan filem Mat Kilau mempunyai elemen semangat nasionalisme melalui watak-watak yang dilakonkan dan dialog yang diutarakan. Dalam hal ini, artikel mendapati tiga tema yang sesuai dikategorikan sebagai elemen nasionalisme dalam filem Mat Kilau melalui nilai keamanan, nilai keadilan dan nilai kejujuran. Bagi tema nilai keamanan, keamanan dan kebebasan merupakan suatu keperluan yang penting (*maṣlahah darūriyyah*) bagi setiap individu, masyarakat dan negara. Tanpa keamanan, sesebuah negara tidak akan dapat berfungsi dengan baik apabila berlaku peperangan, pemberontakan, keganasan dan pencerobohan. Jika keamanan negara dapat dijaga, bermaksud kedamaian dan kedaulatan bangsa adalah tercapai kerana rakyat mampu hidup bersama dalam suasana cinta, harmoni dan damai (Ajmain et al., 2020). Oleh itu, Islam amat menekankan konsep keamanan dan melarang keras umatnya melakukan sebarang bentuk keganasan sehingga boleh membawa kepada ketidakstabilan masyarakat dan negara. Hal ini menjadi kewajipan bagi setiap individu dan negara Islam untuk memelihara keamanan, kemerdekaan, dan perpaduan negara. Justeru, dalam filem ini terdapat babak yang menonjolkan usaha Mat Kilau bersama rakan seperjuangannya mengusir dan menentang penjajah untuk membebaskan tanah air daripada kekuasaan British. Secara keseluruhan sebanyak 4 babak yang memaparkan elemen nasionalisme melalui nilai keamanan seperti dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Babak nasionalisme melalui nilai keamanan

Babak	Elemen semangat nasionalisme melalui nilai keamanan	Durasi
Awal	Mat Kilau menentang pelaksanaan sistem cukai yang dikuatkuasakan oleh British di Jeti Kuala Tembeling.	31 minit
Akhir	Seluruh pahlawan memberi <i>bai'ah</i> dan taat setia kepada Mat Kilau untuk memerangi penjajah British bersama-sama.	1 jam 21 minit
	Mat Kilau memberi nasihat dan kesedaran terhadap penduduk kampung akan kepentingan mempertahankan tanah air.	1 jam 25 minit
	Penduduk kampung menyertai peperangan secara beramai-ramai untuk mengusir British dari bumi Pahang.	1 jam 42 minit

Sumber: Filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022)

Mat Kilau menentang pelaksanaan sistem cukai yang dikuatkuasakan oleh British.

Menerusi filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan (2022), babak awal menayangkan pihak askar British telah melancarkan pelaksanaan sistem cukai terhadap para peniaga di Jeti Kuala Tembeling. Penguatkuasaan ini berdasarkan arahan daripada J.P. Rodger (Residen Inggeris) melalui pemberian notis surat perintah yang menyatakan: “*Setiap barang-barang dagangan yang berurus niaga di Kuala Tembeling akan dikenakan cukai daripada timbangan untuk tujuan membiayai projek pembangunan di kawasan Jerantut, Raub dan daerah-daerah di sekitarnya*”. Namun, jumlah cukai yang dikenakan adalah tinggi menyebabkan para peniaga tidak mampu untuk membayarnya. Mereka yang gagal membayar cukai menyebabkan barang dagangannya dipungah dan dirampas oleh pihak kuasa British. Rentetan keadaan yang ditimbulkan oleh pihak British di Jeti Kuala Tembeling ini, Mat Kilau hadir membantu dan menyelamatkan para peniaga yang sering ditindas.

Babak Mat Kilau menggagalkan perancangan British menggambarkan sifat nasionalisme yang kuat dalam dirinya untuk menyelamatkan penduduk kampung yang sedang dizalimi. Sekiranya dibiarkan, tindakan British mengenakan cukai dan mengaut keuntungan akan menyebabkan objektif syariah (*hifz māl*) untuk menjaga harta individu dan harta awam terganggu apabila berlakunya peristiwa pencerobohan dan penindasan terhadap masyarakat tempatan (Adenan & Rahman, 2020). Dari satu sisi lain, menyelamatkan saudara se-Islam yang sedang ditindas amat bertepatan dengan saranan sebuah hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik: “*Bantulah saudaramu yang zalim dan juga yang dizalimi*” (Riwayat al-Bukhārī, no. Hadith 2263).

Melafazkan bai'ah dan taat setia mengikuti perjuangan Mat Kilau memerangi penjajah.

Definisi bai'ah membawa maksud perakuan sumpah setia kepada seseorang atau sokongan terhadap perjanjian yang dibuat untuk melaksanakan sesuatu (DBP, 2010). Pada babak ini memaparkan perbuatan ikrar sumpah dan taat setia yang diberikan oleh pasukan Hitam dan Kelubi kepada Mat Kilau untuk memerangi dan mengusir penjajah merupakan salah satu ciri semangat nasionalisme yang ditonjolkan. Hal ini dapat disaksikan ketika mana seluruh pasukan yang diketuai Hitam dan Kelubi yang dibawa oleh Awang telah berkumpul di gua buat sementara waktu bersama rakan-rakan Mat Kilau bagi meneruskan perancangan dan mengumpul kekuatan untuk menentang British. Pasukan Hitam dan Kelubi telah bersetuju untuk membantu Mat Kilau dalam misi menentang Inggeris. Dalam masa yang sama, Hitam dan Kelubi juga telah berusaha mengajak orang-orang kampung lebih ramai menyertai peperangan, namun jumlah yang berjaya mereka kumpulkan hanya lima orang sahaja.

Meskipun jumlah tersebut sedikit, ia langsung tidak mematahkan semangat juang Mat Kilau bersama rakan-rakannya yang lain. Lalu Mat Kilau menyeru di hadapan pasukannya: *“Bersumpahlah sekuat-kuatnya, penjajah Inggeris keparat dan segala tali barut harus diperang habis-habisan. Bumi tanah Pahang ini adalah bumi yang berdaulat”*. Lantas mereka menyahut: *“Kami semua bersumpah, Kilau! akan berjuang memerangi penjajah sehingga mereka semua dapat diusir keluar dari bumi pahang yang bersejarah ini.”*

Melalui babak tersebut menunjukkan bahawa melafazkan ikrar atau bai'ah merupakan perbuatan sunnah Nabi Muhammad S.A.W yang pernah diberikan oleh kaum Muslimin beberapa kali semasa Baginda masih hidup. Antaranya seperti *bai'ah al-Ridwān* yang berlaku di Hudaibiyah untuk berjihad. Bai'ah ini merupakan ikrar setia diberikan kepada Rasūlullah S.A.W untuk memerangi musuh serta mereka tidak akan meninggalkan medan peperangan dan menghadapi musuh sehingga tamat peperangan. Justeru, bai'ah yang dilafazkan oleh Hitam dan Kelubi kepada Mat Kilau untuk mempertahankan keamanan negara merupakan bai'ah yang selari dengan syariat Islam bahkan memperoleh ganjaran pahala bagi sesiapa yang menepati janji.

Penduduk kampung menyertai peperangan secara beramai-ramai untuk mengusir British dari bumi Pahang

Secara umumnya kemunculan semangat nasionalisme di Tanah Melayu berpunca daripada tekanan dan pengaruh Inggeris sehingga melahirkan tokoh-tokoh melayu yang lantang membangkitkan kesedaran terhadap kepentingan memperjuangkan hak mereka dan menuntut bela atas hak yang dirampas serta menebus maruah negara yang telah sekian lama tergadai (Ku Hasnan, 2013). Hal ini dapat dilihat pada babak akhir yang menyaksikan Mat Kilau telah mengadakan perjumpaan secara rahsia pada waktu malam bersama penduduk untuk menyampaikan nasihat dan kesedaran tentang kepentingan mempertahankan hak tanah air seterusnya menyeru untuk bersama-sama menentang penjajah.

Meskipun penduduk kampung pada mulanya berbelah bahagi untuk menyertai misi peperangan, usaha isteri Mat Kilau dan Tok Gajah yang berterusan akhirnya membuahkan hasil. Ketika pertempuran dasyat yang berlaku antara kumpulan pahlawan Mat Kilau dengan tentera askar British, penduduk kampung hadir beramai-ramai menyerang secara mengejut sehingga pihak British terpaksa melihat bangsa Melayu mula bersatu menentang mereka. Walaupun orang Melayu tidak mempunyai senjata yang hebat, pertempuran ini telah berjaya menumpaskan British di Tanah Melayu melalui semangat kerjasama dan kesatuan antara mereka.

Berdasarkan situasi tersebut, penduduk kampung menyahut seruan jihad menentang British merupakan perkara yang dituntut oleh shara'. Dalam konteks hukum Islam, jihad pada asalnya adalah sunat. Namun ia boleh berubah menjadi wajib ke atas sebahagian umat Islam apabila wujud beberapa perkara seperti negara Islam diserang, menghapuskan fitnah dalam agama Islam, menyelamatkan golongan yang lemah dan ditindas atau bimbang diserang musuh yang mempunyai keazaman menyerang (Al-Qaradawī, 2009). Tambahan lagi terdapat dalil Al-Quran yang memberi keizinan untuk berperang sekiranya Islam ditindas sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud: *“Diizinkan berperang bagi orang yang diperangi, sebab mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah Amat Berkuasa untuk menolong mereka”* (Surah al-Hājj: 39).

Secara tuntasnya, Islam membolehkan umatnya untuk menjadikan peperangan sebagai wasilah mempertahankan diri demi menjaga maruah agama, bangsa dan negara sekiranya berada dalam ancaman. Membiarkan negara berada dalam situasi terancam seperti berlaku peperangan dan pencerobohan menyebabkan pemeliharaan nyawa (*hifz nafs*) individu akan terjejas. Justeru, peranan menjaga keamanan sangat besar kesannya. Sekiranya perdamaian dapat diperoleh, persengketaan dan peperangan dapat dielak dan masyarakat awam juga dapat hidup dengan aman dan harmoni (Adenan & Rahman, 2021).

Kesimpulan

Persembahan filem pada abad ke-21 dalam bentuk genre sejarah amat diperlukan pada masa kini khususnya generasi muda bagi meningkatkan nilai jati diri dan rasa kecintaan penonton terhadap negaranya. Impak filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* telah berjaya membangkitkan kesedaran orang ramai dengan membawa mesej yang besar tentang kesusahan para pejuang kemerdekaan dalam mengembalikan keamanan serta membela nasib bangsa Melayu yang ditindas akibat kemasukan British ke Negeri Pahang. Berdasarkan sorotan ke atas filem ini, semangat nasionalisme yang ditonjolkan dalam filem adalah bertepatan dengan konsep *maqāsid al-sharīah* iaitu *maqāsid al-'ammah* yang meliputi nilai keamanan, nilai keadilan dan nilai kejujuran. Nilai-nilai ini menjadi teras dalam memelihara lima elemen utama iaitu agama, diri, keturunan, akal dan harta. Bagi meningkatkan kualiti industri perfileman tanah air, filem berunsurkan kenegaraan dan nasionalisme tidak semestinya menumpukan kepada peperangan, pergolakan dan pertumpahan darah semata-mata, malah ia boleh diperkayakan lagi dalam pelbagai bentuk genre dan adegan cerita mengikut kesesuaian semasa. Sehubungan itu, usaha memartabatkan filem epik berunsurkan nilai nasionalisme perlu digiatkan lagi agar dapat menghasilkan karya yang bermutu tinggi untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Rujukan

- 'Atiyyah Jamaluddīn. (2001). *Nahwu Taf'īl Maqāsid al-Sharī'ah*. Damsyiq: Dār Al-Fikr.
- 'Izz Al-Dīn 'Abd Al-Salām (1991). *Qawā'id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām*. Kāherah: t.p.
- Adenan, F., & Ab Rahman, A. (2021). Keamanan menurut al-quran dan hubungannya dengan filantropi islam. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 7(1), 151-169.
- Adnan Jusoh. (2022, Ogos 1). Hasilkan lebih banyak filem berunsur sejarah, biografi tokoh. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2022/08/982870/hasilkan-lebih-banyak-filem-berunsur-sejarah-biografi-tokoh>.
- Ajmain, M. T., Fiky, W. A. R. W. I., Ruskam, A., & Mohamed, A. K. (2020). Maqasid Keamanan Dan Implikasinya Dalam Pembinaan Sebuah Tamadun. *Politicon: Jurnal Ilmu Politik*, 2(1), 1-12.
- Al-Ghazālī, Abū Hāmid Muhammad (1993). *Al-Mustaṣfā min 'Ilm al-Uṣūl*. T.tp.: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Qaraḍawī, Yūsuf. (2008). *Dirāsah fī Fiqh Maqāsid al-Sharī'ah baina al-Maqāsid al-Kullīyyah wa Al-Nuṣūṣ Al-Juz'īyyah* (cetakan ketiga). Kāherah: Dar Al-Shurūq.
- Al-Qaraḍawī, Yūsuf. (2009). *Fiqh al-Jihād*. Kāherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Raysūnī Ahmad. (1995). *Nazarīyyah al-Maqāsid 'inda al-Imām al-Shaṭībī* (cetakan keempat). Virginia: The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Raysūnī Ahmad. (2008). *Muhāḍarāt fī Maqāsid al-Sharī'ah*. Kāherah: Dār Al-Kalimah.
- Ibn 'Ashūr, Muhammad Ṭāhir. (2001). *Maqāsid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (cetakan kedua). Jordan: Dār Al-Nafāis.
- Ibn Manzūr, Muhammad bin Mukarram (t.t.). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Ṣadir.

- Ibn Qayyim, Muhammad bin Abū Bakar. (1991). *I'lām Al-Muwāqī'in 'an Rabb Al-'Ālamīn*. Beirut: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin 'Abd al-Halīm (1995). *Majmu' al-Fatāwā*. Madinah: Majma' Al-Malik Fahad.
- Ibrahim Mustāfā et al. (t.t.). *Al-Mu'jam Al-Wasīf*. T.tp.: Dār Al-Da'wah.
- Ibrahim, M. Y. (2019). Sekularisme: faktor, penyebaran dan langkah mengatasinya dari sudut pandang Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 202-216.
- Ismail Said. (2008). *Dr. Burhanuddin Al-Helmi: Pejuang Melayu Sejati*. Shah Alam: Karisma Publications
- Kamus Dewan, Edisi Keempat. (2010). Cet. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Komunikasi Dan Digital. (2022). Festival Filem Malaysia Ke 32 (Ffm-32) – 'Filem Kita, Citra Kita'. <https://www.kkmm.gov.my/program-semasa/23247-festival-filem-malaysia-ke-32-ffm-32-filem-kita-citra-kita>.
- Kementerian Komunikasi Dan Digital. (2022, Jun 22) Filem Mat Kilau Sarat Mesej Patriotisme. <https://www.kkmm.gov.my/awam/berita/254-audio/22190-filem-mat-kilau-sarat-mesej-patriotisme>.
- Ku Hasnan. (2013). *Bahtera Marhalah Bangsa*. Cet. 1. Johor: Penerbit UTHM.
- Kurikulum Standard Sekolah Menengah Sejarah Tingkatan 4. (2019). *Bab 2. Kebangkitan Nasionalisme*. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohd Daly Dau, Md. Rozalafri Johori & Nursyamimi Harun. (2017). Penerbitan Filem Patriotisme di Malaysia: Isu dan Cabaran. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)*
- Norsazali Bin Abdullah, (2005). *Perspektif Melayu, Barat dan Islam Mengenai Nasionalisme: Satu Kajian Perbandingan*. Thesis Master, Kuala Lumpur: UM